KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




# 24 JAM BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **24 MEI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 10

# Pakar ekonomi cadang endowmen agih penjimatan subsidi, guna klasifikasi isi rumah baharu

- 'Keluarkan' bantuan daripada belanjawan, wujudkan institusi khusus bermatlamat perlindungan sosial dengan dana turut diambil daripada harta kerajaan, GLC diurus secara profesional dan lestari
- M40 rasa tertinggal dalam perubahan polisi kerajaan, jadi usah lagi guna pengelasan B40-T20, tapi guna analisis data raya PADU supaya kesejahteraan setiap warganegara terjamin


Pakar Ekonomi dan Provost, Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST)

**Oleh Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai**
bhrencana@bh.com.my

**Kebelakangan** ini, reputasi Malaysia pantas membangun menuju ke arah negara berpendapatan tinggi semakin bersinar mekar. Pelabur asing kian berminat dengan Malaysia sebagai destinasi pelaburan kerana lokasi strategik dan infrastruktur moden serta lengkap.

Bursa Saham kembali menjadi tarikan pelabur asing kerana kualiti syarikat disenaraikan. Walaupun jumlah penduduk Malaysia sekitar 34 juta, keupayaan berbelanja agak tinggi kerana secara purata isi rumah dalam kelas menengah atas mampu berbelanja untuk barang normal dan mewah bagi melonjak pertumbuhan ekonomi dijangkakan boleh melewati 5 peratus pada 2024.

Namun, jika dilihat terperinci, isi rumah di negara ini masih terperuk dalam kancah jerat kelas menengah rendah lebih sedekad. Apakah maknanya?

Mengikut Jabatan Statistik Malaysia, pada Jun 2023, pendapatan menengah bagi pekerja formal ialah RM 2,600 sebulan, bermakna hampir 50 peratus kumpulan pekerja menerima pendapatan kurang RM2,600 sebulan.

Mengikut sektor, pendapatan menengah sektor pertanian adalah terendah pada RM1,927, pembuatan (RM2,464), pembinaan (RM2,700) dan perkhidmatan (RM2,600) tetapi dalam sektor perlombongan, gaji penengah amat tinggi (RM5,200).

Dalam konteks golongan muda, iaitu 24 tahun ke bawah, mereka paling terjejas dalam kancah jerat kelas menengah dengan paras menengah gaji hanya RM1,500 hingga RM1,700. Kumpulan pekerja wanita juga terjerat dengan pendapatan menengah pada RM2,527.

Secara umum, kumpulan pekerja Bumiputra terjerat dengan pendapatan menengah hanya mencapai RM2,200 berbanding Cina (RM4,000) dan India (RM2,500) sebulan. Ada lebih 34.7 peratus kumpulan pekerja formal masih memperoleh pendapatan menengah di bawah RM2,000 sebulan.

Persoalannya, mengapa kumpulan ramai ini terjerat dalam kelas menengah rendah? Jawapannya, berkait latar belakang pendidikan. Lebih 70 peratus kumpulan warga kerja hanya mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lebih rendah menjadikan mereka dikelaskan dalam kumpulan pekerja tidak berkemahiran atau kurang berkemahiran.

Perbelanjaan sara hidup agak tinggi di negara ini dengan purata perbelanjaan isi rumah pada RM5,150 berbanding penengah pendapatan isi rumah (RM6,338). Purata perbelanjaan tidak banyak berbeza mengikut kelas pendapatan menyebabkan ia menjadi kekangan besar hidup bagi kebanyakan keluarga.

Tahap kesejahteraan penduduk boleh dirumuskan satu himpitan dengan jumlah perbelanjaan, terutama perbelanjaan asas untuk makanan, tempat tinggal dan pakaian asas sentiasa meningkat melebihi kadar 5 peratus setahun - lebih tinggi daripada kadar inflasi umum pada kurang 2 peratus setahun, sedangkan gaji hanya meningkat pada kadar jauh lebih rendah.

## Lancar subsidi bersasar

Setelah merancang beberapa lama menstrukturkan semula subsidi menyeluruh untuk bahan bakar - diesel dan petrol - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelancaran program subsidi bersasar bagi diesel sebagai langkah pertama.

Skim dilancarkan agak mudah. Pertama, ia hanya berkuat kuasa di Malaysia Barat, tidak meliputi Sabah dan Sarawak kerana dilihat permintaan kepada diesel oleh pengguna awam tinggi di kedua-dua negeri berkenaan. Kebanyakan kenderaan di negeri tersebut dan jenis pacuan empat roda (4WD) menggunakan minyak diesel.

Jumlah permintaan diesel di negara ini pada 2023 ialah 10.8 bilion liter, sekali gus menjadi peningkatan besar berbanding 2019 (6.1 bilion liter). Pada harga tanpa subsidi RM3.48 setiap liter, nilai penggunaan ialah RM 37.584 bilion setahun.

Harga bersubsidi sekarang ialah RM2.15 setiap liter. Jadi nilai subsidi diberikan ialah RM14.364 bilion. Kerajaan akan terus memberikan subsidi kepada kumpulan kenderaan menyediakan perkhidmatan kepada orang awam termasuk semua jenis bas seperti bas mini dan\pengantara, kenderaan awam dan pembekal perkhidmatan asas.

Jadi dengan penghapusan sabsidi pada diesel ini, harga barang dan perkhidmatan pengguna dijangka tidak naik. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu berperanan penting memantau harga barang barang runcit termasuk harga makanan asas dan makanan dibawa dari luar.

Kerajaan berharap akan memperoleh penjimatan RM4.0 bilion daripada inisiatif penghapusan subsidi diesel ini - khususnya hasil subsidi dikutip semula daripada kumpulan bukan warga negara dan berpendapatan tinggi serta aktiviti penyelewengan diesel seperti penyeludupan.

Kerajaan akan mengagihkan semula jumlah penjimatan ini dalam bentuk peningkatan bantuan kepada kumpulan sasaran berjumlah lebih 9 juta orang dalam isi rumah.

Kerajaan bakal meningkatkan kadar bantuan hingga melebihi RM1,200 untuk setiap orang penerima membabitkan lebih RM10 bilion setahun. Bantuan khusus juga akan ditambah untuk penanam padi dan penoreh getah bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah dalam kalangan kumpulan memerlukan.

Perdebatan selalunya bertumpu adakah bantuan terus kepada kumpulan isi rumah dan kumpulan memerlukan ini lestasi serta boleh diteruskan pada tahun mendatang?

Memang dari segi prinsip kewangan, bantuan terus tidak dilihat kekal. Bagi meneruskannya sebagai polisi awam, ia perlu dipisahkan daripada proses belanjawan tahunan. Sebuah institusi khusus berteraskan matlamat perlindungan sosial perlu ditubuhkan dengan satu dana endowmen diwujudkan bagi membiayainya secara lestasi.

Kerajaan perlu berani memindahkan sebahagian besar harta kerajaan dalam syarikat dan pelaburan miliknya di Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), PETRONAS, Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan syarikat milik kerajaan (GLC) lain ke dalam institusi endowmen akan diurus secara profesional seperti institusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Jumlah baki asas tidak akan diusik, sebaliknya hanya hasil pendapatan daripada tabung endowmen ini yang akan digunakan untuk membiayai skim bantuan terus dan tidak langsung kepada semua penduduk di Malaysia memerlukan.

Akhirnya, banyak perdebatan mengenai kumpulan kelas menengah M40 yang berasa tertinggal dalam proses dan perubahan polisi kerajaan ini. Kita perlu mengelakkan penggunaan pengelasan B40, M40 dan T20, sebaliknya menggunakan data mikro daripada setiap isi rumah untuk memastikan kesejahteraan setiap warga negara.

Inilah kepentingan data daripada sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang perlu dianalisis menggunakan analisis data raya bagi membolehkan kerajaan mengatur dan memastikan kesejahteraan setiap warga negara. Pada masa akan datang, semua polisi perlu mengambil kira setiap warga negara.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 11

# PN tak wajar kecam penyasaran semula subsidi bahan api



Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Mohd Fo'ad Sakdan
bhrencana@bh.com.my

**Dalam** Perutusan Negara, Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan tiga masalah fiskal utama negara, sekali gus menambah baik pengurusan wang awam.

Ia bagi membolehkan kerajaan berbelanja untuk kebajikan rakyat dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Bagi menyelesaikan masalah ini, kerajaan mengambil pendekatan berani menyasarkan semula subsidi.

Subsidi bersasar membolehkan kerajaan meraih penjimatan RM4 bilion setahun mengikut penggunaan elektrik, selain penjimatan RM100 juta sebulan menerusi pengapungan harga ayam hingga menstabilkan bekalan dan merendahkan harga ayam.

Anwar turut mengumumkan mesyuarat Kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel. Sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung sahaja.

Penjimatan penyasaran subsidi ini pula digunakan untuk menambah baik bantuan kepada rakyat, antaranya meningkatkan peruntukan dan meluaskan bilangan penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Insentif Pengeluaran Getah (IPG) serta Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Penyasaran subsidi bahan api bukan baharu. Dalam 100 hari pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), manifesto dikemukakannya berjanji melaksanakan 10 perkara tertentu dengan janji kedua adalah untuk 'menstabilkan harga minyak dan memperkenal semula subsidi petrol secara bersasar'.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) diketuai bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan CEP dilapor membentangkan cadangan subsidi bahan api kepada Perdana Menteri selepas sebulan ditubuhkan tetapi jawapan di Parlimen pada 25 Julai 2018 ialah 'mekanisme terperinci sedang dikaji'.

Dr Mahathir pada 9 Oktober 2019 menyatakan negara tidak boleh memberi subsidi petrol kepada orang kaya mempunyai hingga enam kereta, termasuk kereta mewah. Skim dikenali sebagai Program Subsidi Petrol (PSP) Bersasar ini dinyatakan dalam Belanjawan 2020, dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat bermula April 2020.

Bagaimanapun, kerajaan PH tumbang apabila Dr Mahathir meletakkan jawatan pada 24 Februari tahun berkenaan. Pengganti beliau, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pula bersuara mengenai Skim Subsidi Bersasar (SSB) pada 30 Julai 2022 selepas tidak lagi menjadi Perdana Menteri dan hanya menjadi Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN).



Sehingga ke akhir pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri, kerajaan masih pada peringkat awal pengujian mekanisme pemberian subsidi petrol secara bersasar yang dijangka memerlukan tempoh antara tiga hingga enam bulan sebelum bersedia dilaksanakan.

## Subsidi kepada peniaga diteruskan

Oleh itu, tidak wajar mana mana pemimpin Perikatan Nasional (PN) mengecam rancangan Kerajaan MADANI membuat penyasaran subsidi bahan api yang konon'nya 'akan menjejaskan seluruh rantaian ekonomi' apabila Perdana Menteri didukungi mereka sebelum ini juga berhasrat melakukan perkara sama.

Apatah lagi Anwar menegaskan bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, kerajaan akan terus memberi subsidi kepada peniaga menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Kerajaan juga akan terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu, selain menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak, termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil. Selain jangkaan penjimatan sekitar RM4 bilion setahun, ia adalah bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara bagi menangani kos sara hidup.

Jelas, semua ini mampu dijayakan jika ada tekad kukuh mengeluarkan negara daripada kancah perangkap pendapatan menengah, seterusnya mencapai sasaran penanda aras Inisiatif Ekonomi MADANI.

Utusan Malaysia
HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 4

# Tarik subsidi diesel dilaksana tahun ini, tarikh belum ditetap

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel akan dilaksanakan tahun ini, cuma tarikhnya masih belum dimuktamadkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, terdapat beberapa perkara seperti sasaran penerima layak yang perlu diperkemas dan diperkukuhkan.

Beliau berkata, tarikhnya hanya akan ditetapkan selepas Jemaah Menteri berpuas hati dengan perincian semua mekanisme pelaksanaannya.

"Penyasaran semula diesel itu turut melibatkan kementerian-kementerian lain dan apabila pengumuman dibuat kerajaan nanti, semua pihak hendaklah sudah bersedia untuk melaksanakannya," katanya selepas sesi penyerahan Fleet Card Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2, di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Perutusan Negara pada Selasa lalu mengumumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi bersasar diesel bagi Semenanjung Malaysia dengan jangkaan penjimatan berjumlah RM4 bilion.

Armizan berkata, antara mekanisme yang perlu dipastikan sudah bersedia termasuk penyelarasan harga bahan api itu di semua stesen minyak dan bantuan sosial kepada golongan sasar yang mempunyai kebergantungan tinggi terhadap diesel.



ARMIZAN Mohd. Ali (dua dari kanan) bersama wakil syarikat pengangkutan yang menerima kad fleet Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 di Lebuh raya Grand Sepadu di Klang, Selangor, semaalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

Mengenai SKDS 2.0, beliau berkata, ia bukan satu sistem baharu kerana ia sudah dilaksanakan sejak 2013 tetapi kerajaan perlu memperkemas sistem itu dengan perluasan kepada jenis kenderaan sektor pengangkutan darat.

Katanya, sebanyak 28,000 syarikat pengangkutan darat telah mendaftar dalam SKDS 2.0 setakat ini yang meliputi 90,000 kad fleet oleh lima syarikat minyak utama.

Justeru, beliau menasihatkan syarikat terlibat supaya segera membuat permohonan sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi diumumkan kerajaan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kementeriannya bersedia memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak yang sengaja menaikkan harga barangan selepas pelaksanaan subsidi bersasar bahan api kelak.

"Kementerian sudah mempunyai mekanisme atau pendekatan terbaik bagi menangani perkara itu kelak. Itu sebabnya kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan subsidi bersasar itu," katanya.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, setakat ini, Jemaah Menteri belum menerima apa-apa maklumat mengenai isu subsidi bersasar yang melibatkan diesel.

Kata beliau, pengumuman tarikh hanya akan dibuat selepas semua mekanisme sudah bersedia dan rakyat juga sudah diberikan penerangan lengkap tentang pelaksanaannya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT

TARIKH: 24/5/2024

M/SURAT: 5



ARMIZAN (dua kanan) bersama seorang wakil syarikat pengangkutan yang menerima fleet kad SKDS 2.0 di Lebuh Raya Grand Sepadu, Pelabuhan Klang semalam.

# Tarikh penyasaran subsidi diesel belum ditetapkan

**PELABUHAN KLANG** – Penetapan tarikh sebenar pelaksanaan penyasaran subsidi diesel belum diputuskan biarpun secara dasarnya ia bakal dilaksanakan tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perkara itu hanya dilaksanakan selepas Jemaah Menteri berpuas hati dengan perincian semua mekanisme bagi memastikan hanya kumpulan sasar layak mendapatkan bantuan.

"Penstrukturan harga di stesen minyak memang mudah, namun faktor menentukan pemberian bantuan itu yang mahu diperkukuhkan secara berperingkat.

"Kita sedang merangka mekanisme itu bagi mengelak berlakunya isu terlepas pandang bagi penerimanya kelak," katanya pada sesi penyerahan Fleet Card Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 di Lebuh Raya Grand Sepadu, di sini semalam.

Tambah beliau, pihaknya juga bersedia memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak yang sengaja menaikkan harga barangan selepas pelaksanaan subsidi bersasar bahan api itu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi bersasar bahan api bagi Semenanjung Malaysia dengan jangkaan penjimatan berjumlah RM4 bilion.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**Kosmo!**
SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 3

Pihak berkuasa serbu stor simpanan barang di Sabah

# Simpan ayam campur daging babi

Oleh IVAN AMIRUL

**KOTA KINABALU** – Sebanyak 847 kotak ayam sejuk beku bernilai RM121,968 yang disimpan bersama daging babi dirampas dalam serbuan ke atas sebuah stor penyimpanan barangan di Jalan Burung Keleto, Inanam di sini pada Selasa lalu.

Pemeriksaan awal mendapati kesemua kotak mengandungi ayam tersebut mempunyai logo halal, namun didapati disimpan di dalam sebuah kontena bersama bekalan daging babi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah, Georgie Abas berkata, serbuan itu dilakukan sepasukan anggota Pasukan Gerakan Am dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah.

Katanya, kes itu kemudian diserahkan kepada KPDN untuk tindakan selanjutnya.

"Jumlah keseluruhan rampasan barangan basah itu termasuk kontena sejuk beku dianggarkan bernilai RM151,968.

"Seorang lelaki tempatan yang juga pemilik premis tersebut turut diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Daging babi pula dirampas oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Georgie, kes disiasat mengikut Perintah 3(1)(g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu kesalahan menyimpan barang halal dan barang tidak halal yang diletakkan berdekatan dalam ruang simpanan yang sama.

Beliau memberitahu jika didapati bersalah, pertubuhan perbadanan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta dan tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan kedua di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

"Bagi orang perseorangan pula, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," kata beliau.




ANGGOTA penguat kuasa melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena sejuk beku yang menyimpan ayam (dalam bulatan) dan daging babi di Kota Kinabalu pada Selasa lalu.






LOGO halal yang tertera pada kotak berisi ayam sejuk beku yang disimpan bersama produk tidak halal iaitu daging babi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 4

# Kerajaan belum tetap tarikh - Armizan

**KLANG** - Kerajaan belum menetapkan tarikh sebenar pelaksanaan penyasaran subsidi diesel meskipun secara prinsipnya ia akan dilaksanakan pada tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu hanya akan dilaksanakan sekiranya Jemaah Menteri berpuas hati dengan segala mekanisme penyasaran tersebut termasuk memastikan semua kumpulan sasar layak mendapatkan bantuan sosial tersebut.

Menurutnya, kerajaan akan memastikan supaya penyasaran subsidi itu diperkemas dan diperkukuhkan terlebih dahulu sebelum membuat pengumuman pelaksanaannya kelak.

"Apa yang disebut PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) ini merupakan penyasaran subsidi iaitu menyasarkan mereka yang layak untuk dibantu dan bukan lagi bantuan subsidi diesel secara pukal yang juga dinikmati oleh mereka yang tidak bersesuaian termasuk warga asing," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Fleet Card di Kawasan Rehat dan Rawat Klang Utara Lebuhraya Grand Sepadu di sini pada Khamis.

Sementara itu, Armizan berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan akan meningkatkan tindakan penguatkuasaan selepas kerajaan mengumumkan pelaksanaan penyasaran semula subsidi bahan api diesel.

Katanya, KPDN akan mengumumkan beberapa pendekatan terbaik bagi menangani kenaikan harga barang.

"Itu sebab kerajaan tidak tergesa-gesa untuk menggerakkan (mengumumkan semula subsidi bahan api diesel). Kita ada (beberapa) pendekatan yang akan kita umumkan kelak sebaik kerajaan mengumumkan tarikh penyasaran semula subsidi diesel," ujarnya.



Armizan (dua dari kanan) bergambar selepas Majlis Penyerahan Fleet Card di Kawasan Rehat dan Rawat Klang Utara Lebuhraya Grand Sepadu, Klang pada Khamis.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 28

# Pemandu lori seleweng diesel bersubsidi, jual di pasaran gelap

**DUNGUN** - Seorang pemandu lori ditahan kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi menerusi operasi Ops Tiris 3.0.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, lelaki berusia lingkungan 20-an itu ditahan ketika serbuan di sebuah stesen minyak di Paka di sini pada Selasa.

"Modus operandi sindiket ini ialah membeli diesel bersubsidi di stesen minyak sekitar Kemaman dan Paka dengan menggunakan permit barang kawalan palsu.

"Minyak tersebut akan diisi di dalam tong dram plastik sebelum dijual semula kepada pembeli pasaran gelap di sekitar kawasan perindustrian berdekatan," katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut di lokasi tersebut telah menemukan sebanyak 14 tong dram plastik mengandungi kira-kira 400 liter minyak diesel, sebuah lori dan beberapa dokumen berkaitan.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM41,000 dan kesemua barangan yang ditemui di lokasi serbuan telah disita untuk siasatan lanjut.

"Kita juga telah membuka siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti itu termasuk rantaian pengedaran minyak diesel tersebut," katanya.






Anggota penguat kuasa KPDN memeriksa barang yang dirampas di sebuah stesen minyak di Paka, Dungun pada Selasa.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 5

# Tak perlu beri tunai elak disalah guna

**Kerajaan disaran salur subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penjaja, peniaga kecil**

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

Kerajaan disaran menyalurkan subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penjaja dan peniaga kecil, sebagai mekanisme memastikan bantuan tunai yang diberikan hanya dibelanjakan untuk bahan api tersebut demi mengawal kenaikan harga jualan.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, beliau optimis dengan pelaksanaan penyelarasan subsidi diesel yang diumumkan kerajaan, namun mekanisme pengagihan subsidi kepada masyarakat peniaga menjadi perkara yang membimbangkan dan perlu diberi perhatian khusus.



ROSLI

Ini kerana, beliau berkata, sekiranya penyaluran subsidi tidak disalurkan kepada golongan yang tepat seterusnya gagal dimanfaatkan secara berhemah, ia boleh memberi kesan ketara kepada kenaikan harga jualan yang tidak terkawal.

"Platform khas perlu digunakan supaya kerajaan dapat pastikan subsidi diesel ini hanya boleh digunakan untuk isi diesel sahaja. Kita sudah ada sistem in2Niaga dilancarkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop)... hanya peniaga sah yang layak mendapat akses kad debit tersebut.

"Boleh jadikan platform In2Niaga ini sebagai syarat dan mekanisme penyaluran subsidi dan kita sedia dipantau oleh agensi kerajaan melaluinya.

"Tak perlu beri tunai kepada peniaga kecil, tapi peruntukan subsidi melalui akses kad In2Niaga dan boleh ditetapkan untuk isi diesel sahaja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pengumuman penyelarasan subsidi diesel oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyaksikan kerajaan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Ia melibatkan sepuluh jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), termasuk pengusaha bas dan teksi.

Kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, penggunaan kenderaan komersial bermotor diesel oleh golongan peniaga kecil tidak dapat dielakkan dan memerlukan kos purata kira-kira RM800 sebulan untuk urusan pembelian bahan mentah, termasuk berulang alik ke tempat perniagaan antaranya operasi pasar malam yang melibatkan beberapa kawasan berbeza setiap hari.

Namun tegas beliau, dalam apa jua keadaan, golongan peniaga kecil perlu mengutamakan kepentingan pelanggan dengan menawarkan harga jualan yang lebih murah berbanding pengusaha restoran yang jelas memerlukan kos operasi lebih besar.

"Peroleh subsidi diesel dengan kaedah yang tepat, menjadi sebab yang kukuh untuk golongan peniaga kecil tidak menaikkan harga jualan dengan sewenang-wenangnya.

"Sukar untuk memberi jaminan tiada kenaikan harga jualan, tetapi sekurang-kurangnya ia masih terkawal," ujar beliau.

Sinar Harian

TELUS & TULUS

sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT

TARIKH: 24/5/2024

M/SURAT: 5

# Manipulasi keadaan naikkan harga barang

**TAIPING -** Tindakan pihak tertentu memanipulasi keadaan tertentu termasuk pengumuman kerajaan mengenai subsidi bersasar menyebabkan harga barangan meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abu Fasal berkata, penyasaran subsidi minyak diesel yang dilakukan kerajaan sebenarnya tidak memberikan kesan terus kepada kos operasi barangan.

Menurutnya, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penyasaran subsidi itu bertujuan menjimatkan perbelanjaan kerajaan yang selama ini dibazirkan akibat ketirisan dan bukan penarikan balik subsidi.

"Kalau saya ambil contoh subsidi minyak diesel kepada kapal-kapal nelayan yang besar. Sebenarnya dalam kiraan yang saya buat, ada kapal jenis C mendapat subsidi tetapi kapal jenis C2 tak dapat subsidi tetapi harga ikan sama sahaja.

"Maknanya ia (penyasaran subsidi) tak ada kesan terus kepada kos. Ini kadang-kadang manipulasi menyebabkan kos meningkat dengan alasan kata subsidi ditarik, tetapi sebenarnya tidak," katanya kepada pemberita ketika meninjau Pasar Pagi Taman Kaya dekat sini pada Khamis.

Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang dalam pada itu menyambut baik pengumuman Perdana Menteri itu dan berharap subsidi bersasar yang dilaksanakan kerajaan akan berjaya mengurangkan ketirisan.

Pengumuman tersebut turut mendapat reaksi daripada pelbagai pihak yang menyambut baik pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api tersebut.



Syed Abu Hussin Hafiz (dua dari kiri) bertemu peniaga ketika meninjau Pasar Pagi Taman Kaya, Taiping pada Khamis.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 1



**Targeted subsidy:** Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (fifth from left) handing over mock fleet cards to representatives of land transport operation companies. Looking on is the ministry's secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar (sixth from left). — FAIHAN GHANI/The Star

# A wait-and-see posture on subsidy revamp date

The government will only announce the implementation date for diesel subsidy rationalisation once it has finalised how target groups will receive aid. However, stakeholders are pushing for the date to be made known quickly so they can prepare. The Finance Ministry is still working on fine-tuning the mechanism.

> See reports on page 4 by MARTIN CARVALHO, RAGANANTHINI VETHASALAM and GERARD GIMINO

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 4

# Fleet card sign-up rising

## Almost 29,000 firms have registered for diesel subsidy

By MARTIN CARVALHO, RAGANANTHINI VETHASALAM and GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

KLANG: The number of companies that have registered for the diesel fleet card is inching towards 29,000 even though no specific date has been set for the diesel subsidy rationalisation exercise this year.

The figure was revealed by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali as he confirmed that no definitive implementation date has been set, even though the Cabinet has agreed in principle to move away from the current broad-based subsidy for diesel to a targeted form, starting with Peninsular Malaysia.

He said discussions were ongoing, specifically on how aid could be distributed to target groups.

"As long as the Cabinet is not pleased with the mechanism, especially how target groups will receive the aid, we will not set a date.

PETRONAS smartPAY
The Simpler and Better solution for your fleet.
Call 1-300-88-8181 for more info

"Once the government finalises this aspect, an announcement will be made on the start date," he told a press conference at the Klang Utara rest stop yesterday.

Armizan said the target groups were those with a high dependence on diesel.

"We are also currently working on a mechanism to ensure those eligible for aid will not be left out," he said, adding that the decision to rationalise diesel subsidies was not done brashly.

"It is part of the government's reforms to ensure subsidies really reach those in need.

"The government is not abolishing subsidies, but rationalising them," he said.

He added that the move involved various stakeholders, such as the Finance, Transport, and Agriculture and Food Security ministries, among others.

Responding to concerns about the cost of goods going up once the rationalisation is implemented, Armizan said the ministry would roll out measures to combat profiteering.

"The measures will be announced once there is a start date for the implementation of the diesel subsidy rationalisation," he said.

On Tuesday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that diesel subsidies would be rationalised for the peninsula, a move that could potentially save the government around RM4bil annually.

To prevent any drastic increase in the cost of goods and services, he said subsidies will also be given to traders using diesel vehicles.

Earlier yesterday, Armizan together with fuel company representatives handed out fleet cards to land transport companies whose vehicles are eligible for the Subsidised Diesel Control System (SKDS) 2.0 scheme.

He said as of May 22, some 28,000 companies had registered for the fleet cards, with fuel companies issuing more than 90,000 cards, which can be obtained via mysubsidi.kpdn.gov.my.

SKDS 2.0 is currently open only to Malaysia-registered company vehicles that have a valid road tax. Under the programme, 33 categories of vehicles are eligible, with 10 from the public transportation sector, and the rest from the goods transportation sector.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 24/5/2024
M/SURAT: 24

Subsidi diesel bersasar

# Pengeluar barang pengguna terima kesan minimum



## Kos logistik hanya 5 hingga 10 peratus daripada perbelanjaan operasi syarikat

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Pelaksanaan** subsidi diesel bersasar dijangka memberi kesan minimum dan terhad kepada syarikat pengeluar barangan pengguna, kata penganalisis.

CIMB Securities percaya kesan pelaksanaan subsidi diesel bersasar adalah minimum berdasarkan anggaran kos logistik hanya lima hingga 10 peratus daripada jumlah kos operasi syarikat pengeluar barangan pengguna.

Ia berkata, pihaknya melihat dua jenis kesan pelaksanaan subsidi diesel impak kepada syarikat pengeluar barangan pengguna iaitu pemansuhan subsidi diesel yang tidak mencukupi membawa kepada kos pengangkutan yang lebih tinggi.

Kesan kedua pula jelasnya, ialah permintaan yang lebih rendah untuk produk memandangkan syarikat pengguna terpaksa menaikkan harga jualan untuk meneruskan kos logistik yang lebih tinggi yang ditanggung.

"Namun, kami percaya impak adalah minimum kerana kami menganggarkan kos logistik hanya terdiri daripada anggaran lima hingga 10 peratus daripada jumlah kos operasi syarikat pengeluar barangan pengguna.

"Selain itu, kami berpandangan bahawa kebanyakan kenderaan komersial yang digunakan untuk pengangkutan darat oleh syarikat pengguna berkemungkinan layak untuk skim Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), memastikan harga produk kekal tidak terjejas," katanya dalam nota penyelidikannya.

Bagi saham berkaitan barangan runcit pengguna, CIMB Securities berkata, permintaan untuk barangan mereka harus kekal stabil memandangkan ia adalah keperluan harian.

Ia menjangkakan kenaikan harga jualan terhad, dianggarkan kurang dua peratus untuk mengimbangi kesan penghapusan subsidi diesel ke atas bahagian rantaian bekalan mereka, yang boleh dilepaskan kepada pengguna.

"Saham pengeluar barangan pengguna bukan keperluan (Berjaya Food, Amway, Bonia, 7-Eleven dan Mynews) juga boleh menyalurkan kos logistik yang lebih tinggi kepada pengguna mereka dengan menaikkan harga.

"Walau bagaimanapun, pengguna yang terjejas (terutama kumpulan T20 dan warga asing) mungkin mengurangkan perbelanjaan mereka berikutan tekanan inflasi yang berpotensi membawa kepada perbelanjaan boleh bicara yang lebih rendah dan menjejaskan syarikat," katanya.

AmBank Group dalam nota penyelidikan ekonominya berkata, melaksanakan rasionalisasi subsidi tanpa inflasi yang tinggi juga adalah mungkin.

### Mansuh beransur-ansur

Katanya, kemungkinan itu akan mengurangkan kesan kos sara hidup yang lebih tinggi bagi mereka yang berpendapatan rendah.

"Inflasi sederhana mungkin berlaku jika inflasi makanan dan minuman, mencakupi 29.8 peratus daripada wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal rendah dan stabil.

"Tiada pemansuhan mendadak subsidi bahan api atau dalam erti kata lain, pemansuhan subsidi bahan api secara progresif dan beransur-ansur (atau bahkan pelancaran meluas).

"Kesan pusingan kedua yang lebih kecil di tengah-tengah persekitaran kadar pertukaran yang lebih menggalakkan berikutan kemungkinan perbezaan kadar faedah/hasil antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS)," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan dalam ucapan khas pada 21 Mei 24 bahawa kerajaan bersetuju untuk melaksanakan subsidi yang disasarkan ke atas bahan api, bermula dengan diesel.

Subsidi yang disasarkan itu akan dikenakan hanya kepada pengguna di Semenanjung dan tidak akan menjejaskan pengguna di Sabah dan Sarawak.

Rasionalisasi subsidi diesel dianggarkan dapat memberikan penjimatan tahunan kira-kira RM4 bilion kepada kerajaan, sementara butiran dan garis masa pelan itu akan diumumkan oleh kementerian berkaitan dalam masa terdekat.

Di samping itu, kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi diesel kepada perniagaan tertentu yang menggunakan kenderaan komersial diesel untuk mengurangkan potensi kesan kenaikan harga secara mendadak terhadap barangan dan perkhidmatan.

Ia termasuk 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang di bawah SKDS.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 24 MEI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 24-May | KPDN sedia tingkat penguatkuasaan tangani harga barang | https://www.sinarharian.com.my/article/666288/berita/nasional/kpdn-sedia-tingkat-penguatkuasaan-tangani-harga-barang | SINAR HARIAN |
| 24-May | 28,000 syarikat pengangkutan darat lulus SKDS 2.0 – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/05/23/28000-syarikat-pengangkutan-darat-lulus-skds-2-0-armizan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 24-May | Kerajaan belum tetap tarikh laksana penyasaran subsidi diesel-KPDN | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1093425/kerajaan-belum-tetap-tarikh-laksana-penyasaran-subsidi-diesel-kpdn | HARIAN METRO |
| 24-May | Kerajaan belum tetap tarikh laksana penyasaran subsidi diesel-KPDN | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1093425/kerajaan-belum-tetap-tarikh-laksana-penyasaran-subsidi-diesel-kpdn | HARIAN METRO |
| 24-May | Kerajaan belum tetapkan tarikh laksana penyasaran subsidi diesel | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1250453/kerajaan-belum-tetapkan-tarikh-laksana-penyasaran-subsidi- | BERITA HARIAN |
| 24-May | Pemantauan rapi bendung ketirisan, penyeludupan | https://www.sinarharian.com.my/article/666200/berita/nasional/pemantauan-rapi-bendung-ketirisan-penyeludupan | SINAR HARIAN |
| 24-May | Seorang lelaki ditangkap menggunakan permit palsu untuk membeli minyak diesel bersubsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/seorang-lelaki-ditangkap-menggunakan-permit-palsu-untuk-membeli-minyak-diesel-bersubsidi/ | BULETIN TV3 |
| 24-May | Kerajaan perlu pastikan mekanisme jangka panjang penyasaran subsidi diesel - Pakar ekonomi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1250271/kerajaan-perlu-pastikan-mekanisme-jangka-panjang-penyasaran-subsidi | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-May | Seized – halal chicken kept with pork | https://www.dailyexpress.com.my/news/234787/seized-halal-chicken-kept-with-pork/ | DAILY EXPRESS |
| 24-May | 847 kotak daging ayam sejuk beku bercampur babi dirampas | https://www.kosmo.com.my/2024/05/23/847-kotak-daging-ayam-sejuk-beku-bercampur-babi-dirampas/ | KOSMO |
| 24-May | Daging ayam sejuk beku bercampur khinzir dirampas | https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/23/daging-ayam-sejuk-beku-bercampur-khinzir-dirampas | UTUSAN BORNEO |
| 24-May | KERAJAAN BELUM TETAP TARIKH PELAKSANAAN PENYASARAN SEMULA SUBSIDI DIESEL - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2300636 | BERNAMA |
| 24-May | Tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi diesel belum dimuktamad - Armizan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tarikh-pelaksanaan-penyasaran-subsidi-diesel-belum-dimuktamad-armizan | BERITA RTM |
| 24-May | Tarikh laksana penyasaran subsidi diesel belum ditetapkan kerajaan | https://www.buletintv3.my/nasional/tarikh-laksana-penyasaran-subsidi-diesel-belum-ditetapkan-kerajaan/ | BULETIN TV3 |
| 24-May | Minister: No date set yet for targeted diesel subsidy implementation | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/23/minister-no-date-set-yet-for-targeted-diesel-subsidy-implementation/136081 | MALAY MAIL |
| 24-May | 'No date set yet for targeted diesel subsidy implementation' | https://www.dailyexpress.com.my/news/234831/no-date-set-yet-for-targeted-diesel-subsidy-implementation-/ | DAILY EXPRESS |
| 24-May | KPDN KELANTAN TEMPATKAN ANGGOTA DI STESEN MINYAK DI SEMPADAN NEGARA | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2300727 | BERNAMA |
| 24-May | KPDN Kelantan tempatkan anggota di stesen minyak sempadan negara | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-tempatkan-anggota-di-stesen-minyak-sempadan-negara-471883 | ASTRO AWANI |
| 24-May | Subsidi bersasar bahan api: KPDN perketat penguatkuasaan | https://www.kosmo.com.my/2024/05/23/subsidi-bersasar-bahan-api-kpdn-perketat-penguatkuasaan/ | KOSMO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-May | KPDN rampas 15,800 liter diesel diseleweng | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-rampas-15800-liter-diesel-diseleweng/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 24-May | KPDN rampas 15,800 liter diesel di Jitra, Kuala Kedah | https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-rampas-15800-liter-diesel-di-jitra-kuala-kedah-MP12486208 | THE SUN |
| 24-May | KPDN rampas 15,800 liter diesel di Jitra, Kuala Kedah | https://www.sinarharian.com.my/article/666372/berita/semasa/kpdn-rampas-15800-liter-diesel-di-jitra-kuala-kedah | SINAR HARIAN |
| 24-May | KPDN seizes 15,800 litres of subsidised diesel in two raids in Kedah | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/05/1054439/kpdn-seizes-15800-litres-subsidised-diesel-two-raids-kedah | NEW STRAITS TIMES |
| 24-May | KPDN rampas 15,800 liter diesel diseleweng | https://www.kosmo.com.my/2024/05/23/kpdn-rampas-15800-liter-diesel-diseleweng/ | KOSMO |
| 24-May | KPDN RAMPAS 15,800 LITER DIESEL DI JITRA, KUALA KEDAH | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2300852 | BERNAMA |
| 24-May | KPDN rampas 15,800 liter diesel di Jitra, Kuala Kedah | https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-15800-liter-diesel-di-jitra-kuala-kedah/ | BULETIN TV3 |
| 24-May | KPDN Terengganu rampas diesel bersubsidi lebih RM40,000 | https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-terengganu-rampas-diesel-bersubsidi-lebih-rm40000-AP12484501 | THE SUN |
| 24-May | Pemandu lori ditahan disyaki seleweng diesel bersubsidi | https://www.sinarharian.com.my/article/666308/berita/semasa/pemandu-lori-ditahan-disyaki-seleweng-diesel-bersubsidi | SINAR HARIAN |
| 24-May | KPDN TERENGGANU RAMPAS DIESEL BERSUBSIDI LEBIH RM40,000 | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2300659 | BERNAMA |
| 24-May | Beli diesel guna permit palsu, jual semula di pasaran gelap | https://www.kosmo.com.my/2024/05/23/beli-diesel-guna-permit-palsu-jual-semula-di-pasaran-gelap/ | KOSMO |
| 24-May | Jualan Ehsan Rahmah di sembilan lokasi Segi Fresh hujung minggu ini | https://selangorkini.my/2024/05/jualan-ehsan-rahmah-di-sembilan-lokasi-segi-fresh-hujung-minggu-ini/ | SELANGOR KINI |